

# Surirumah diajak asingkan bahan boleh diproses daripada sampah

UM 2 JUN 1990

IPOH 24' Jun — Perdana Menteri, (Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad) hari ini mengajak surirumah tangga memupuk amalan mengasingkan bahan-bahan yang boleh diproses semula daripada lain-lain sampah dan memasukannya ke dalam beg plastik yang berasingan.

Di negara-negara maju, kata beliau, kutipan sampah tidak akan dibuat jika pengasingan seperti ini tidak dilakukan.

Berucap melancarkan Program Bersih dan Indah Peringkat Kebangsaan di padang Majlis Bandaraya Ipoh di sini, hari ini, Perdana Menteri berkata, pelaksanaan program tersebut itu juga boleh mempertingkatkan permintaan kepada barang-barang yang dikeluarkan oleh kilang-kilang yang berkaitan dengan industri kebersihan dan keindahan seperti kilang-kilang membuat karung plastik, tong sampah,

mesin pemotong rumput, jentera lori pembersih sampah di pantai dan kilang rawatan sisa-sisa pepejal.

Dengan permintaan yang bertambah, beliau menambah, kilang-kilang berkenaan akan berupaya mempertingkatkan pengeluaran masing-masing.

Kata beliau, kesemua ini akan menambah peluang-peluang perniagaan, pekerjaan dan pendapatan rakyat Malaysia di samping menurunkan kos sara hidup secara am.

Dato' Sri Dr. Mahathir menyifatkan kebersihan dan keindahan boleh memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan industri pelancongan di negara ini.

"Negara kita yang lebih bersih dan indah akan dapat menarik lebih ramai pelancong dari luar negeri," tambahnya.